

18/05/1997

KFC taja tayangan amal Star Wars

PETALING JAYA: KFC Holding (M) Berhad (KFC), konglomerat makanan segera terbesar negara, mengadakan tayangan amal perdana filem sains fiksyen, Star Wars generasi baru.

Pengerusi Eksekutifnya, Mohd Sarit Yusoh, berkata hasil kutipan tayangan amal itu akan digunakan untuk membeli komputer peribadi lengkap dengan perisian terkini untuk disumbangkan kepada enam rumah amal dan rumah anak yatim.

Rumah amal yang dipilih ialah Taman Pendidikan Anak-Anak Yatim Darul Kifayah Kuala Lumpur, Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah Subang Jaya, Asrama Peyakin Klang, Rumah Ozanam Petaling Jaya, Rumah Faith Kajang dan Rumah Amal Cheshire Selangor.

Mohd Sarit berkata, sumbangan itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya setiap rumah di negara ini mempunyai sebuah komputer.

Selain itu, ia boleh membantu meningkatkan kadar celik komputer di kalangan anak yatim dan mereka yang kurang upaya, katanya dalam majlis penyerahan sumbangan itu di sini semalam.

Seramai 250 kanak-kanak dari rumah amal itu diraikan dalam majlis berkenaan sambil menyaksikan tayangan filem Star Wars. Pada majlis itu, KFC menyediakan RM60,000 untuk disumbangkan kepada wakil badan berkenaan.

Penyampaian sumbangan dilakukan oleh isteri Menteri Pendidikan, Datin Seri Rosmah Mansur, merangkap Presiden Rumah Amal Cheshire Selangor.

(END)